

## **Teks Ucapan**

**PROF. DATUK DR. D KAMARUDIN D MUDIN  
NAIB CANSELOR  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Universiti  
Awam**

**13 Disember 2017 (Rabu) | 10.30 Pagi  
Dewan Resital, UMS**

Terima kasih Pengerusi Majlis,

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

### **Salutasi**

1. Yang Berbahagia, Datin Paduka Ir. Dr. Siti Hamisah Binti Tapsir  
Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Jabatan Pendidikan Tinggi

2. Yang Berbahagia Profesor Datuk Dr. D Kamarudin D Mudin  
Naib Canselor, Universiti Malaysia Sabah
3. Yang Berusaha Profesor Dr. Baharudin Aris  
Pengerusi Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam
4. Yang Berusaha Profesor Dr. Haji Mohd Dahlan  
Haji Abdul Malek  
Dekan Fakulti Psikologi dan Pendidikan, UMS
5. Pegawai-pegawai Utama dan Kanan Universiti.

6. Pegawai-Pegawai Kanan Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia
7. Para Peserta Seminar,
8. Sahabat-sahabat Media,
9. Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya kasihi sekalian,

Pertama sekali, marilah kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, kita dapat berkumpul dalam majlis ilmu ini. Saya mengambil kesempatan mengucapkan syabas dan tahniah kepada Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah kerana berjaya menganjurkan Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam bagi tahun ini.

Penganjuran seminar seumpama ini selain memenuhi rutin penganjuran, juga akan dapat menyemarakkan kolaborasi akademik dalam kalangan peserta. Saya pasti, ahli akademik Universiti Awam sentiasa dituntut agar “Update” tentang ilmu-ilmu terkini yang kemudian akan dikongsi bagi tujuan pembangunan ilmu itu sendiri.

**Hadirin Hadirat yang dihormati sekalian,**

Kita sedia maklum yang seminar-seminar yang dianjurkan menjadi medan menyampaikan ilmu-ilmu baharu yang diperolehi melalui penyelidikan. Daripada dapatan penyelidikan ini, saya percaya pihak universiti akan dapat membantu pihak kerajaan dalam usaha mencapai aspirasi Transformasi Nasional tahun 2050 yang diinspirasikan oleh Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Datuk Seri Najib Tun Razak.

Dapatan penyelidikan pelbagai bidang pendidikan ini akan menjadi aset yang dapat menyumbang idea seterusnya menjadi panduan kepada negara dalam membangunkan modal insan untuk negara Malaysia.

Pihak kerajaan menerusi Kementerian Pendidikan Tinggi sentiasa komited untuk membantu menggerakkan penyelidikan-penyelidikan di Universiti Awam dengan menyediakan dana dan peruntukan khas.



Hal ini dapat dilihat menerusi bajet tahun 2018 apabila peruntukan Geran Penyelidikan dan Pembangunan Institusi Pengajian Tinggi Awam telah meningkat dengan kenaikan sebanyak 13 peratus dengan nilai RM400 juta berbanding RM235 juta pada tahun sebelumnya. Bajet yang diistilahkan sebagai "ibu segala bajet" ini turut dirasai keistimewaannya oleh penjawat awam dengan pelaksanaan biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam.

Dengan keistimewaan tersebut, saya amat berkeyakinan yang penjawat awam lebih bermotivasi untuk melaksanakan penyelidikan untuk dibentangkan dalam seminar seumpama ini.

**Hadirin hadirat yang dihormati sekalian,**

Saya pasti warga seminar maklum betapa teknologi sangat berpengaruh dalam dunia pendidikan masa kini.

Kementerian Pendidikan Tinggi telah meletakkan kaedah pembelajaran baharu universiti awam bagi menyaingi Revolusi Industri 4.0. Konsep pembelajaran yang dilihat lebih santai dan mesra ini mengambil iktibar daripada “perkhidmatan Uber” yang diistilahkan sebagai 'Universiti Uber'. Dalam konteks ini, pembelajaran tidak lagi tertumpu hanya di dewan kuliah, tetapi dikembangkan melalui platform alam maya dalam melakukan diskusi, forum atau penilaian secara formatif dan sumatif.

Pada hemat saya, pendekatan ini merupakan suatu pendekatan yang bijak dan mungkin lebih praktikal tatkala mendepani kesibukan globalisasi yang banyak menuntut kepantasan bertindak. Sebagai contoh, Kursus Dalam Talian Terbuka Secara Besar-besaran (MOOC) untuk kebanyakan subjek. Pembelajaran ini amat menarik dan faedahnya lebih banyak serta terbuka kerana sistem pembelajaran *online* boleh dikongsi dengan pelajar lain dari luar negara.

Perubahan demi perubahan yang dikecapi oleh pendidikan kita di Malaysia perlu diraih agar kita tidak ketinggalan dengan negara lain. Pakej pendidikan di negara ini telahpun menyediakan platform untuk dipraktikkan sebanyak mungkin. Kita patut menggesa diri sendiri untuk mencipta perubahan. Pereka tempatan perlu berani maju ke depan mengawal selia kualiti serta menampilkan inovasi cemerlang agar kita mampu setanding dengan negara-negara luar.

## **Hadirin yang dihormati**

Saya percaya universiti awam di Malaysia telahpun berada dalam landasan yang betul dalam memacu perkembangan pendidikan di negara ini. Falsafah pendidikan kita yang menekankan proses pengembangan potensi berterusan dapat dilihat daripada kesungguhan kita mencari kaedah-kaedah baharu, fakta-fakta baharu melalui penyelidikan berterusan.

Kerjasama universiti awam sentiasa dituntut bukan sahaja untuk kelestarian pendidikan tetapi mencipta peradaban ilmu.

Justeru, saya percaya seminar kali ini mampu mencapai objektif yang diharapkan dan yakin hasil seminar dapat dikongsi untuk manfaat masyarakat seluruhnya.

Sebelum mengakhiri ucapan, maka dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan **Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam tahun 2017.**

Sekian dan terima kasih.